

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 17.07.2025 MASA: 5.30PM

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN
ABDUL HAMID
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

SEMPENA

**PROGRAM PENYAMPAIAN HADIAH PERTANDINGAN
PELITA *UPCYCLE* MALAM 7 LIKUR BAGI SEKOLAH
RENDAH DAN SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN
DI SEBERANG PERAI TAHUN 2025**

TARIKH / MASA / TEMPAT

**25 JULAI 2025 (JUMAAT)
11.00 PAGI**

**AUDITORIUM, MENARA BANDARAYA, MBSP
SEBERANG PERAI TENGAH**

Terima kasih Saudari Pengacara Majlis

1. Yang Dihormati Whip Ahli Majlis

Encik Bernard Cheen Goon Hooi
Encik Zainuddin bin Mohamed
Encik Muhamad Suzuki bin Ahmad dan
YBhg. Datuk Mohd Noor bin Ahmad

2. Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

3. Yang Berusaha Encik Ahmad Zabri Bin Mohamed Sarajudin

Pengarah Perkhidmatan Perbandaran Merangkap
Penyelaras Program Penyampaian Hadiah Pertandingan
Pelita Upcycle Malam 7 Likur Bagi Sekolah Rendah Dan
Sekolah Menengah Kebangsaan Di Seberang Perai Tahun
2025

4. Ketua-Ketua Jabatan Majlis Bandaraya Seberang Perai

5. Yang Berusaha Puan Nurshamimi Binti Zainuddin

Penolong Pegawai Pendidikan Hal Ehwal Murid
Pejabat Pendidikan Daerah Seberang Perai Tengah

6. Rakan-Rakan Media

7. Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati sekalian

.....

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi, Salam Sejahtera, Salam Penang2030 dan Salam Malaysia
MADANI,

1. Marilah kita bersama-sama merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya jua, kita dapat berhimpun pada pagi yang penuh makna ini dalam **Program Penyampaian Hadiah Pertandingan Pelita *Upcycle* Malam 7 Likur Bagi Sekolah Rendah Dan Sekolah Menengah Kebangsaan Di Seberang Perai Tahun 2025.**
2. Terlebih dahulu, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua yang hadir bagi menjayakan program ini; khususnya kepada pihak sekolah yang terlibat, barisan guru pembimbing dan para pelajar yang berdedikasi, serta seluruh warga kerja Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) yang telah bertungkus lumus memastikan kelancaran program pada hari ini.
3. Pertandingan ini bukan sekadar suatu pertandingan lazim semata-mata. Sebaliknya, ia merupakan manifestasi pendidikan yang berimpak tinggi, yang menggabungkan nilai kelestarian alam sekitar, inovasi kreatif serta pemeliharaan warisan tradisi. Melalui pelita hasil bahan kitar semula yang dihasilkan oleh para pelajar, kita dapat

menyaksikan bagaimana nilai-nilai *upcycle* diterjemahkan dengan penuh imaginasi dan rasa tanggungjawab.

4. Saya dimaklumkan bahawa pertandingan ini telah berlangsung dari 12 hingga 27 Mac 2025, melibatkan penyertaan sebanyak 20 buah Sekolah Rendah dan 17 buah Sekolah Menengah Kebangsaan di seluruh Seberang Perai, dengan penyertaan seramai 259 orang peserta termasuk guru. Ini adalah satu angka yang cukup membanggakan dan membuktikan bahawa kesedaran terhadap nilai kelestarian dan inovasi semakin berakar kukuh dalam kalangan generasi muda kita.
5. Pendekatan yang diketengahkan melalui pertandingan ini amat selari dengan hasrat MBSP untuk membudayakan amalan kelestarian alam sekitar dalam kalangan anak muda. Penekanan terhadap prinsip pengguna bijak berasaskan 8R; *Rethink, Refuse, Reuse, Reduce, Repair, Regift, Recover* dan *Recycle*, merupakan satu usaha mendidik generasi masa hadapan agar lebih bertanggungjawab terhadap alam sekitar dan lebih peka terhadap cabaran perubahan iklim yang semakin meruncing.
6. Penilaian pertandingan ini telah dijalankan secara menyeluruh dengan mengambil kira aspek kreativiti, penggunaan bahan kitar semula, kesedaran terhadap kelestarian, serta keberkesanan penyampaian mesej melalui rakaman video. Menariknya, pendekatan digital turut

diperkenalkan, di mana setiap pasukan dikehendaki memuat naik sebuah video pendek berdurasi maksimum tiga (3) minit menerusi platform TikTok. Kaedah ini bukan sahaja seiring dengan trend semasa dalam kalangan pelajar, malah turut memperkasa penggunaan teknologi secara beretika dalam menyampaikan mesej pendidikan alam sekitar dan nilai kelestarian.

7. Dalam masa yang sama, program ini turut memainkan peranan penting dalam memelihara dan mengangkat semula warisan tradisi tempatan, khususnya menerusi penghayatan malam tujuh likur yang menjadi sebahagian daripada budaya masyarakat kita menjelang sambutan Aidilfitri.
8. Sebagai tanda penghargaan atas usaha, kreativiti dan semangat lestari yang ditonjolkan, para pemenang akan menerima hadiah wang tunai berserta sijil penghargaan. Jumlah keseluruhan hadiah yang ditawarkan mencecah RM7,800.00, sebagai manifestasi komitmen MBSP dalam menyemarakkan budaya inovasi dan penghayatan nilai kelestarian dalam kalangan pelajar.
9. Kepada para pemenang, saya merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas. Kejayaan yang diraikan pada hari ini merupakan cerminan ketekunan, daya kreativiti serta semangat berpasukan yang padu. Kepada yang tidak berjaya, anggaplah penyertaan ini sebagai

batu loncatan untuk mencipta kejayaan yang lebih besar pada masa hadapan.

10. Harapan saya agar pertandingan ini akan terus dijadikan sebagai acara tahunan yang bukan sahaja menyeronokkan, tetapi mendidik minda, menyuburkan nilai murni dan memupuk kesedaran terhadap kelestarian alam sekitar dalam kalangan generasi muda. MBSP sentiasa menyokong inisiatif sebegini kerana yakin bahawa pembangunan insan yang cakna alam adalah asas kepada pembinaan sebuah bandaraya yang Berdaya Huni, Mampan, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandar Pintar.
11. Sekali lagi, saya merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat. Terima kasih juga kepada semua guru yang menjadi pemangkin kreativiti pelajar serta ibu bapa yang terus menyokong.

"Sesungguhnya menjaga alam sekitar bukan pilihan, tetapi satu kewajipan."

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.